

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah pelan jangka masa panjang Kementerian dalam meningkatkan kualiti institusi pengajian tinggi negara setaraf dengan institusi pengajian tinggi peringkat global khususnya dalam situasi pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pendidikan tinggi yang berkualiti merupakan “outcome” utama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha untuk menambah baik perkhidmatan pendidikan tinggi negara supaya mampu untuk bersaing di peringkat global. KPT telah melaksanakan beberapa strategi bagi memastikan “outcome” ini boleh tercapai. Antaranya adalah:

- (i) Penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) sebagai satu dokumen strategik hala tuju KPT dan, dengan izin “guiding principle” kepada semua institusi pendidikan tinggi (IPT) dalam melahirkan modal insan dan tenaga kerja mahir yang diperlukan untuk mencapai hasrat menjadi negara maju;
- (ii) Membuat kajian semula ke atas PPPM(PT) sedia ada dengan tujuan untuk meneliti dan menambah baik semula sasaran, strategi, inisiatif dan pelan tindakan yang digariskan. Kajian ini penting bagi

NO. SOALAN : 9

memastikan pelaksanaan inisiatif di bawah pelan tersebut adalah selari dengan situasi semasa dan juga kepentingan nasional, khususnya dalam mendepani cabaran pasca pandemik COVID-19;

- (iii) Memberikan tumpuan terhadap usaha-usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pelaksanaan pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan serta keusahawanan seperti Program PENJANA KPT-CAP; KPT-MEDAC:Siswapreneur; dan EntrepreneurMOHE@PUNB. Selaras dengan ini juga, KPT bakal melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT serta Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan yang baharu sebagai kesinambungan kepada pelan-pelan tindakan sedia ada bagi mencapai hasrat melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan seperti dihasratkan oleh PPPM(PT); dan
- (iv) KPT dari semasa ke semasa akan memastikan kursus yang ditawarkan adalah relevan mengikut keperluan industri melalui penjumudan, pembekuan dan pelupusan program yang dianggap tidak selari dengan keperluan industri. Bagi maksud itu, KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) akan terus memastikan standard program, keperluan badan-badan profesional dan dasar-dasar jaminan kualiti sedia ada dipatuhi semua IPT.

Sekian, terima kasih.